

Jambatan Panglima Awang RM9.778 Juta Satu Lagi Lambang Kebanggaan Rakyat Melaka

Oleh HAFIZHAN RAHMAT

BANDAR RAYA MELAKA, 3 Jun - Jambatan Panglima Awang terletak di Jalan Panglima Awang berhampiran Aeon Jusco Bandaraya Melaka menjadi satu lagi simbol kebanggaan rakyat negeri ini.

Jambatan yang menelan belanja RM9.778 juta itu merupakan satu lagi tanggungjawab kerajaan negeri dalam memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya di Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, pemi-



Mohd Ali menurunkan tanda tangannya di atas plak perasmian



Mohd Ali melakukan sumpitan sebagai simbolik perasmian jambatan diringi tetamu kehormat lain



Zainal menyampaikan cenderamata kepada Mohd Ali

naan jabatan yang bermula pada Januari 2010 itu merupakan salah satu projek sokongan dalam membangunkan parcel 2 pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka yang dilancarkan pada 21 Mei lalu.

Jelasnya, projek (parcel 2) bernilai RM285 juta itu akan menghubungkan Taman Rempah dari Jambatan Hang Jebat hingga ke Melaka Sentral sejauh enam kilometer (km).

"Ia dilengkapi dengan pembinaan perlindungan tebing atau river wall, laluan pejalan kaki sepanjang sungai, stesen water taxi di Pengkalan Rama dan Aeon Jusco Bandaraya selain lanskap dan pengindahan sungai di kawasan berkenaan".

"Berpadukan kejayaan parcel 1 projek pengindahan dan pembersihan Sungai Melaka dari Taman Rempah ke muara sungai sebelum ini, projek parcel 2 ini akan menarik lebih banyak pelaburan dan dijangka meningkat sehingga RM3 bilion," katanya ketika berucap merasmikan Jambatan Panglima Awang itu di sini kelmarin.

>> Lihat Muka 4